

## KAJIAN DAN TREND DALAM BIDANG *HOMESCHOOLING* DARI TAHUN 2000 HINGGA 2012: ANALISIS KANDUNGAN KAJIAN *HOMESCHOOLING* DALAM JURNAL TERPILIH

Ruslina Ibrahim\*  
*ruslina\_ibrahim@yahoo.com*

Rohani Abdul Aziz\*  
*azhaqal@gmail.com*

Norlidah Alias\*  
*drnorlidah@um.edu.my*

Saedah Siraj\*  
*saedah@um.edu.my*

Dorothy DeWitt\*  
*dorothy@um.edu.my*

Chin Hai Leng\*  
*chin@um.edu.my*

\*Faculty of Education  
University of Malaya,  
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

**Abstract:** This paper provides trends analysis and content analysis of studies in the field of homeschooling that were published in EBSCOhost Academic Search Premier Database. 430 articles were identified as being related to the topic of homeschooling. These articles were cross analyzed by published years. Furthermore, 17 latest articles were chosen and categorized as 'research based articles' and 'non-research based articles'. Content analysis was implemented for further analysis based on their research topics, issues category, research settings and samplings, research designs, research method and data analysis. It was found that the latest trend of articles published in homeschooling field of study was focused on policy. The results of the analysis also provide insights for educators and researchers into research trends and patterns of homeschooling.

**Keywords:** Homeschooling; trend; content analysis.

### PENGENALAN

National Home Education Research Institut (NHERI) yang dipelopori oleh Ray (2009) telah menggambarkan bahawa trend *homeschooling* telah melalui perkembangan yang sangat memeranjatkan apabila mengalami peningkatan jumlah yang mendadak sepanjang tiga dekad ini. Bermula pada tahun 1970-an hinggalah 2009, hampir 2 juta pelajar bagi gred K hingga 12 menjalani *homeschooling*. Kajian-kajian awal yang telah dibuat dalam disiplin ilmu ini telah menjawab banyak persoalan yang diutarakan. Antaranya ialah; adakah pengamal *homeschooling* ini mampu mencapai gred terbaik?, Adakah tahap pendidikan ibu bapa membantu pencapaian pelajar dengan lebih baik?, Adakah para ibu bapa diwajibkan memiliki sijil khusus bagi menjalankan pendidikan di rumah?, Adakah kawalan pihak kerajaan mempunyai hubungan kait dengan pencapaian akademik pelajar?, Mengapakah golongan pengamal *homeschooling* berjaya mendapat keputusan yang baik?, Adakah pendapatan isi rumah meramalkan pencapaian akademik pelajar *homeschooling*? Dan antara yang paling popular ialah isu sosialisasi. Adakah para pelajar dan ibu bapa *homeschooling* ini mempunyai hubungan yang erat dalam komuniti mereka? Kesemua persoalan di atas telah pun ditemukan dapatannya dalam kajian-kajian awal yang telah dijalankan.

Dapatan kajian-kajian tentang *homeschooling* ini menunjukkan bahawa terdapat banyak sebab dominan yang mempengaruhi tindakan ibu bapa memilih *homeschooling* iaitu;

- i. Membentuk pendidikan anak-anak dengan cara tersendiri
- ii. Keinginan untuk mencapai keputusan akademik yang lebih baik
- iii. Ikatan kekeluargaan yang kukuh
- iv. Menyediakan suasana pembelajaran yang selamat
- v. Ibu bapa dapat mengawal interaksi sosial anak-anak
- vi. Penerapan nilai moral dan agama yang lebih meyakinkan berbanding dengan apa-apa yang diberikan di sekolah aliran perdana

Melihat kembali faktor-faktor yang menyebabkan para ibu bapa memilih untuk mendidik anak-anak dari rumah, kita akan mendapati bahawa kebanyakan matlamat akhir mereka ialah mahu mendidik dan memantau perwatakan anak-anak mereka dengan acuan mereka sendiri. Dalam masa yang sama mereka tidak meminggirkan kecemerlangan akademik bagi meneruskan kelangsungan hidup anak-anak mereka agar dapat memenuhi tuntutan masyarakat dalam bidang pekerjaan. Pemilihan kurikulum yang sesuai boleh berpaksikan kecenderungan agama ataupun aspek-aspek pedagogi (Ebinezar, 2008). Kesimpulannya, ibu bapa menegaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menentukan bentuk pendidikan terbaik bagi anak-anak mereka, dan bukannya tanggungjawab pihak lain (Ray, 2009).

Sistem pendidikan di Malaysia secara formalnya melibatkan 9 jenis sekolah iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama, sekolah mubaligh, sekolah model khas, sekolah pendidikan khas, sekolah teknik dan vokasional dan sekolah berasrama penuh (MOE, 2010). Sistem pendidikan di Malaysia adalah dinamik seiring dengan perkembangan dan kemajuan zaman. Justeru, *Homeschooling* adalah satu bentuk pendidikan alternatif yang berpotensi mengambil tempat dalam aliran pendidikan kebangsaan Malaysia suatu masa nanti.

Realitinya, pada masa sekarang *Homeschooling* telahpun dilaksanakan oleh sebilangan kecil ibu bapa di Malaysia (Ruslina Ibrahim, Yusliza Baharin, Deny Indahsari, Saedah binti Siraj, & Norlidah binti Alias, 2011). *Homeschooling* yang diimplementasikan ini menggunakan model kurikulum luar negara terutamanya dari Amerika Syarikat dan United Kingdom yang diperolehi melalui pembelian atas talian dan bagi memastikan anak-anak mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pelajar arus perdana, mereka menduduki peperiksaan IGCSE dan O level yang akan melayakkan pelajar tersebut menyambung pelajaran di mana-mana kolej swasta dalam dan luar negara.

Senario ini membentuk satu perspektif pendidikan baharu di Malaysia. Ketidakpuasan hati terhadap persekitaran dan pentadbiran dan ditambah lagi dengan karenah birokrasi menyebabkan ibu bapa beralih arah kepada satu pendidikan alternatif yang dapat memenuhi kehendak mereka sendiri.

Trend baru dalam dunia pendidikan ini telah membawa kepada penerbitan pelbagai artikel berkaitan secara atas talian (*online*). Perkembangan pesat dalam penerbitan artikel secara online ini merupakan suatu perkembangan positif yang dapat mempercepatkan perkembangan bidang ilmu pendidikan umumnya dan disiplin ilmu *homeschooling* khususnya.

Analisis kandungan dan analisis trend kajian daripada artikel ilmiah, diaplikasi secara meluas dalam pelbagai disiplin ilmu pada masa kini (Shih, Feng, & Tsai, 2008). Antaranya bidang psikologi, pengukuran dan penilaian dan dan pengajaran ICT. Dalam dunia akademik, analisis trend kajian akan membantu kajian ini akan melihat dengan lebih dekat tentang artikel-artikel tersebut dari pelbagai konteks kajian seperti sumber dan lokasi, sumbangan dan institusi, jenis artikel, isu yang diutarakan serta analisis data yang digunakan (Erford, Miller, Duncan, & Erford, 2010).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kertas ini bertujuan melihat dan mengenal pasti trend kajian *homeschooling* dalam online jurnal daripada pangkalan data EBSCOhost. Berdasarkan analisis trend dan frekuensi, pengkaji berharap untuk melihat trend kajian dan penghasilan artikel tentang *homeschooling* secara umumnya. Juga, trend *homeschooling* yang boleh dikenal pasti dalam kajian ini akan membantu para penyelidik untuk mendapat gambaran tentang implimentasi *homeschooling* secara global termasuk trend pelaksanaannya dan diversiti atau perkembangan kajian *homeschooling* dalam tempoh sedekad terkini serta minat para penyelidik terhadap subjek penyelidikan *homeschooling*. Justeru, diharapkan kajian ini akan menjadi titik tolak kepada penyediaan kosa ilmu asas kepada jangkakan bentuk kurikulum baru dalam sistem pendidikan Negara terutamanya Malaysia untuk masa akan datang.

Kajian ini turut memberi tumpuan kepada 17 artikel terkini daripada Academic Search Premier EBSCOhost dari tahun 2010 hingga 2012. Artikel-artikel ini dianalisis kandungannya berdasarkan skop kajian dan kategori topik

yang diutarakan. Impak kajian-kajian *homeschooling* juga dapat dilihat melalui trend isu yang dikemukakan. Dalam konteks ini, fokus utama adalah untuk membuat analisis kandungan berdasarkan beberapa aspek penting iaitu persampelan dan lokasi kajian, instrumentasi, rekabentuk kajian dan kaedah kajian.

Antara lain, objektif kajian yang ingin dicapai melalui kajian ini adalah seperti berikut:

1. Apakah topik kajian berkaitan *homeschooling* yang diterbitkan dalam pangkalan data EBSCOhost dalam tempoh 12 tahun ini?
2. Apakah trend penerbitan artikel tentang *homeschooling* dalam pangkalan data EBSCOhost sepanjang 2000 hingga 2011?
3. Apakah kategori topik utama berkaitan *homeschooling* dalam Academic Search Premier EBSCOhost untuk tahun terkini 2010 hingga 2012?

## KAEDAH

Sebagai kajian penyediaan kosa ilmu asas kepada bidang *homeschooling* yang masih baru dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, maka kajian ini dilaksanakan dalam ruang lingkup yang agak terhad dan kecil. Dua kaedah analisis diimplementasi dalam kajian ini iaitu analisis trend dan analisis kandungan.

### *Analisis Trend*

Analisis trend sesuatu artikel dapat menunjukkan kupasan ilmu berkala dalam sesuatu disiplin ilmu (Erford et al., 2010). Dalam analisis frekuensi dan trend, justifikasi pemilihan artikel adalah artikel yang terdapat dalam pangkalan data EBSCOhost sahaja. Manakala dilimitasi bahan pula adalah berdasarkan dua jenis iaitu i. artikel berasaskan kajian (*research based articles*) dan ii. artikel bukan berasaskan kajian (*non-research based articles*) (Baker, t.t.). Statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis artikel-artikel yang berkaitan dengan *homeschooling* yang diterbitkan dalam pangkalan data EBSCOhost sepanjang tempoh 12 tahun iaitu daripada 2000 hingga 2011. Analisis ini akan melibatkan 430 artikel dan dibahagikan kepada 4 fasa terbitan mengikut tahun iaitu 2000-2002, 2003-2005, 2006-2008, 2009-2011.

### *Analisis Kandungan*

Berasaskan kaedah analisis kandungan, iaitu proses merumuskan dan melaporkan data bertulis (Louis Cohen et al dalam Cowan, 2011), topik kajian daripada artikel-artikel terpilih dianalisis dan dikategorikan mengikut persamaan kata kunci dalam abstrak yang dikemukakan, kupasan isu serta skop kajian. Sepanjang analisis data dijalankan, setiap kategori yang telah dikenal pasti ini turut dimurnikan lagi secara berterusan menggunakan kaedah analisis secara tematik. Pada akhir analisis, kategori dan sub-kategori artikel – artikel kajian dapat dipolakan seperti berikut:

1. Kajian polisi
2. Kajian impak
3. Kajian bidang kanak-kanak berkeperluan khas
4. Kajian faktor
5. Kajian psikologi - sikap dan motivasi

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### *Analisis frekuensi dan trend*

Berdasarkan analisis frekuensi, terdapat 430 artikel yang disenarai pendek berkaitan topik *homeschooling* dalam pangkalan data EBSCOhost dari tahun 2000 hingga 2011. Analisis bilangan artikel berdasarkan fasa sela 3 tahun ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

*Bilangan Artikel Berkaitan Kajian Homeschooling Mengikut Fasa Sela 3 Tahun*

| Tahun         | Bilangan | Peratusan % |
|---------------|----------|-------------|
| 2000-2002     | 77       | 17.9        |
| 2003-2005     | 108      | 25.0        |
| 2006-2008     | 82       | 19.1        |
| 2009-2011     | 163      | 38.0        |
| <b>Jumlah</b> | 430      | 100         |

Daripada analisis di atas, didapati bahawa frekuensi artikel berkaitan *homeschooling* pada fasa 2000-2002 adalah sebanyak 17.9%, manakala bagi fasa 2003-2005 pula adalah sebanyak 25%. Bagi fasa 2006-2008 jumlahnya menurun kepada 19.1% dan peningkatan ketara dapat dilihat pada fasa 2009-2011 iaitu meningkat dua kali ganda kepada sebanyak 38%. Rajah 1 mempersembahkan trend penghasilan artikel tentang *homeschooling* dalam tempoh lebih sedekad.



Rajah 1. Bilangan artikel berkaitan *homeschooling* yang diterbitkan dalam empat fasa mengikut tahun.

#### *Analisis kandungan artikel terkini kajian homeschooling*

Bagi trend kajian terkini berkaitan *homeschooling*, kertas ini turut melihat isu dalam artikel-artikel yang diterbitkan di pangkalan data EBSCOhost bagi tahun terkini iaitu dari tahun 2010 hingga 2012 sahaja. Daripada limitasi tahun ini, terdapat 17 artikel berkaitan *homeschooling*. Perlu diingat bahawa, artikel-artikel yang terpilih adalah daripada dua jenis artikel iaitu;

- i. artikel berasaskan kajian (*research based articles*)
- ii. artikel bukan berasaskan kajian (*non-research based articles*).

Antara justifikasi pemilihan jenis artikel ini adalah untuk variasi kosa ilmu yang ingin dikupas melalui kajian ini. 'Artikel berasaskan kajian' dianalisis kandungannya berdasarkan beberapa konstruk iaitu tajuk, kategori tajuk, sumber, sampel dan lokasi kajian, reka bentuk kajian, instrumentasi dan jenis analisis data yang digunakan. Manakala 'Artikel bukan berasaskan kajian' dianalisis berasaskan kategori kajian. Jadual 2 dan 3 menunjukkan analisis kandungan 17 artikel *homeschooling* terpilih yang diasingkan mengikut dua kategori iaitu 'artikel berasaskan kajian' (*research based articles*) dan 'artikel bukan berasaskan kajian' (*non-research based articles*).

Jadual 2

*Analisis Kandungan dan Fokus Isu Terkini 'Artikel Berasaskan Kajian' Homeschooling*

| Tajuk Kajian   | Kategori Topik                        | Sumber : (pengarang,tahun, jurnal, muka surat)   | Sampel dan lokasi kajian   | Reka bentuk Kajian  | Instrumentasi                           | Analisis Data                                |
|--|---------------------------------------|--|--|---------------------|---|--|
| Homeschooling parents' practices and beliefs about childhood immunizations   | Sikap & polisi kesihatan              | Thorpe, E. L., Zimmerman, R. K., Steinhart, J. D., Lewis, K. N., & Michaels, M. G. (2012). <i>Vaccine</i> , 30(6), 1149-1153 | 707 homeschoolers Pennsylvania, US                               | Kajian Tinjauan     | Soal selidik dalam talian               | Statistik deskriptif dan statistik inferensi |
| Experience of parents who homeschooled their children with autism spectrum disorders.  | Impak & Kanak-kanak berkeperluan khas | Hurlbutt, K. S. (2011). <i>Focus on Autism &amp; Other Developmental Disabilities</i> , 26(4), 239-249.                      | 10 ibu bapa kanak-kanak Autism, US                               | Kajian Kes          | Temu bual                               | Analisis secara Tematik                      |
| A profile of homeschooling in South Dakota   | Faktor                                | Boschee, B. F., & Boschee, F. (2011). <i>Journal of School Choice</i> , 5(3), 281-299.                                       | Ibu bapa, South Dakota   | Kajian Tinjauan     | Soal Selidik                            | Statistik Deskriptif                         |
| Demographics of home schoolers: A regional analysis within the national parameters.  | Impak                                 | Mackey, B. W., Reese, K., & Mackey, W. C. (2011). <i>Education</i> , 132(1), 133-140.  | 2 kumpulan daripada 130 keluarga ahli Home School Association US | Kajian tinjauan     | Soal selidik-e-mel                      | Statistik Deskriptif                         |
| Homeschooling is an art, not a science: The impact of homeschooling on choice of college major.  | Impak                                 | Phillips, L. (2010). <i>Sociological Viewpoints</i> , 26(2), 19-25.  | 800 daripada pelajar yang terlibat dengan homeschooling          | Kajian tinjauan     | Soal selidik                            | Statistik deskriptif dan statistik inferensi |
| Inspection of Home Education in European countries.  | Polisi                                | Blok, H., & Karsten, S. (2011). <i>European Journal of Education</i> , 46(1), 138-152  | 14 negara Eropah   | Kajian Perbandingan | Soal selidik, pemerhatian dan temubual. | Statistik deskriptif dan analisis kualitatif |
| Linking parental motivations for involvement and student proximal achievement outcomes in homeschooling and public schooling settings. | Motivasi                              | Ice, C. L., & Hoover-Dempsey, K. V. (2011). <i>Education &amp; Urban Society</i> , 43(3), 339-369                            | US, ibu bapa   | Kajian tinjauan     | Soal selidik                            | Statistik deskriptif dan Statistik inferensi |

|   |                               |  |   |                                 |  |  |
|---|-------------------------------|--|---|---------------------------------|--|--|
| The home-education of children with special needs or disabilities in the UK: Views from parents from an online survey.                  | Kanak-kanak berkeperluan khas | Parsons, S., & Lewis, A. (2010). <i>International Journal of Inclusive Education</i> , 14(1), 67-86. | UK, 27 kanak-kanak berkeperluan khas.   | kajian tinjauan longitudinal    | Soal selidik dalam talian              | Statistik deskriptif dan analisis kualitatif |
| Is all College preparation equal? Pre-Community College experiences of home-schooled, private-schooled, and public-schooled students.   | Impak                         | Duggan, M. H. (2010). <i>Community College Journal of Research &amp; Practice</i> , 34(1/2)          | Tiga populasi pelajar kolej             | Kajian tinjauan                 | Soal selidik                           | Statistik deskriptif                         |
| Affordance of participation rights for children in Home-based Education and Care: An Interactive Process Model of Participation — 2007. | Polisi                        | Layland, J. (2010). <i>Children &amp; Society</i> , 24(5), 386-399                                   | Dua tenaga pengajar <i>homeschooler</i> | Kajian kes dan kajian etnografi | Temu bual, Pemerhatian Dan dokumentasi | Analisis secara tematik                      |

### Jadual 3

*Analisis kandungan dan fokus isu terkini 'artikel bukan berasaskan kajian' homeschooling.*

| Tajuk kajian  | Kategori Topik      | Sumber : (pengarang,tahun, jurnal, muka surat)                                      | Sumber: (lokasi) |
|---|---------------------|---|------------------|
| Education, schooling and children's rights: The complexity of homeschooling   | Falsafah & polisi   | Kunzman, R. (2012). (Vol. 62, pp. 75-89). Wiley-Blackwell                           | US               |
| Home education in Russia.   | Falsafah dan polisi | Staroverova, T. I. (2011). <i>Russian Education &amp; Society</i> , 53(10), 23-36.  | Russia           |
| Professional Knowledge and Practice in Health, Welfare and Educational Agencies in England in Relation to Children being Educated at Home: An Exploratory Review. | Polisi              | Jennens, R. (2011). <i>Child Care in Practice</i> , 17(2), 143-161.                 | England          |
| Rethinking educational rights: Implications for philosophy and policy.  | Falsafah & polisi   | Newman, A., & Stitzlein, S. M. (2012). <i>Educational Theory</i> , 62(1), 1-6.      | US               |
| New Followers of an Old Path -- Homeschoolers.  | Factor              | Aasen, S. H. (2010). <i>Journal for Quality &amp; Participation</i> , 32(4), 12-14. | US               |

|  |                   |   |         |
|--|-------------------|---|---------|
| Locke on education and the rights of parents.          | Falsafah & polisi | Tuckness, A. (2010). <i>Oxford Review of Education</i> , 36(5), 627-638                         | US      |
| Restricted liberty, parental choice and homeschooling. | Polisi            | Merry, M. S., & Karsten, S. (2010). <i>Journal of Philosophy of Education</i> , 44(4), 497-514. | Belanda |

Daripada 17 artikel yang dikaji dan dikenal pasti, bilangan 'artikel berasaskan kajian' adalah lebih banyak berbanding bilangan 'artikel bukan berasaskan kajian' iaitu terdapat sepuluh artikel yang diterbitkan merupakan hasil kajian yang dijalankan manakala enam lagi artikel yang diterbitkan adalah penulisan ilmiah yang mengupas kosa ilmu dan teori dibawah bidang *homeschooling*. Daripada sepuluh artikel berasaskan kajian ini, tiga daripadanya adalah dalam kategori jurnal ISI.

Menjawab persoalan kajian ketiga, kategori topik kajian utama dalam artikel yang diterbitkan, dapat dirumuskan bahawa: tiga artikel yang diterbitkan melihat kepada 'impak' *homeschooling* dalam penulisan mereka. Dua artikel membuat kajian tentang *homeschooling* dari aspek 'polisi', dua lagi artikel boleh dikelompokkan dalam kategori 'kanak-kanak berkeperluan khas' dan dua artikel berada dalam kategori 'sikap dan motivasi' terhadap *homeschooling*.

Daripada analisis sampel dan lokasi kajian, dapatan menunjukkan penghasilan 'artikel berasaskan kajian' didominasi oleh kajian-kajian daripada Amerika Syarikat. Lapan 'artikel berasaskan kajian' yang diterbitkan merupakan hasil kajian yang dibuat terhadap sampel *homeschoolers* di sekitar Amerika Syarikat, manakala dua daripadanya dijalankan di negara-negara Eropah.

Seterusnya bagi analisis berasaskan reka bentuk kajian, kajian tinjauan masih lagi mendominasi aplikasi reka bentuk kajian yang digunakan iaitu dengan tujuh daripada kajian kuantitatif yang dijalankan merupakan kajian tinjauan. Hanya satu kajian kuantitatif yang dijalankan adalah dalam kategori kajian perbandingan. Manakala, bagi kajian kualitatif, hanya satu artikel berasaskan kajian yang dihasilkan yang mengaplikasikan reka bentuk kajian kes dan satu lagi kajian menggunakan gabungan kajian kes dan etnografi dalam reka bentuk kajian mereka.

Dari aspek penggunaan instrumentasi, penggunaan soal selidik masih lagi menjadi alat instrumen popular bagi kajian-kajian yang dijalankan. Hanya jenis soal selidiknya sahaja yang agak berbeza. Lima kajian menggunakan instrumen soal selidik bertulis, satu kajian menggunakan soal selidik melalui e-mel, manakala dua kajian menggunakan soal selidik secara atas talian (online). Terdapat juga satu kajian yang menggunakan kaedah triangulasi iaitu penggunaan soal-selidik, temu bual dan pemerhatian dalam kajian yang dijalanannya. Manakala satu kajian lagi kajian kualitatif menggunakan triangulasi gabungan kaedah temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Juga, satu lagi kajian kualitatif yang dijalankan hanya menggunakan kaedah pemerhatian dalam kajiannya.

Dari segi analisis data yang dijalankan tiga kajian yang dikemukakan menggunakan analisis deskriptif sahaja. Lima lagi kajian mengaplikasikan statistik deskriptif dan statistik inferensi, manakala satu kajian menggunakan analisis data secara deskriptif dan kajian kualitatif yang dijalankan dianalisis secara tematik.

Bagi 'artikel bukan berasaskan kajian' pula, majoriti penulisan yang dihasilkan memfokuskan aspek 'polisi'. Tiga daripada tujuh artikel yang dianalisis mengambil tema 'falsafah dan polisi' sebagai asas penulisan mereka. Dua artikel hanya mengupas konteks 'polisi' secara khusus, manakala satu lagi artikel boleh diletakkan di bawah kategori tajuk 'faktor' kerana memfokuskan isu faktor-faktor *homeschooling* dalam penulisannya.

Melihat dari sudut sumber pula, majoriti penulisan yang dihasilkan adalah daripada sarjana-sarjana di Amerika Syarikat dengan empat artikel mengambil ruang lingkup aplikasi dan implikasi *homeschooling* di sekitar Amerika Syarikat dalam penulisan mereka. Manakala, masing-masing satu artikel dihasilkan oleh sarjana dari England, Russia dan Belanda.

## RUMUSAN DAN IMPLIKASI

Secara umumnya, hasil analisis yang dibuat terhadap artikel-artikel yang diterbitkan dalam pangkalan data Academic Search Premier EBSCOhost menunjukkan trend kajian tentang *homeschooling* yang semakin berkembang merentas tahun. Walau bagaimanapun, majoriti artikel yang dihasilkan masih lagi berasaskan konteks 'polisi'

pelaksanaan *homeschooling*. Walaupun, 'artikel berasaskan kajian' lebih tinggi berbanding 'artikel bukan berasaskan kajian' namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara keduanya dengan nisbah 10: 7 atau 58% berbanding 41% sahaja. Ini jelas membuktikan bahawa ulasan kosa ilmu masih lagi menjadi perbincangan penting dalam disiplin *homeschooling*. Justeru, antara lain, lebih banyak artikel yang berteraskan kajian tentang pelaksanaan *homeschooling* di pelbagai lokasi perlu dipaparkan bagi menyokong trend terhadap sistem pendidikan alternatif ini. Dari sudut lokasi kajian juga, kajian analisis trend ini juga menunjukkan bahawa majoriti data kajian yang dilakukan berpusat di Amerika Syarikat, manakala data kajian daripada rantau lain amatlah terhad. Malahan, negara-negara di sebelah Asia Tenggara masih belum kehadapan dalam mengutarakan kajian *homeschooling* secara komprehensif terutamanya berkenaan faktor dan impak pelaksanaan *homeschooling* dalam budaya dan polisi pendidikan negara.

Justeru, dapatan kajian ini akan memandu penyelidik untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam terhadap keperluan mengadakan kurikulum *homeschooling* mengikut acuan Malaysia sendiri. Selain itu, pengalaman polisi negara lain dalam disiplin ilmu ini akan menjadi garis panduan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia dalam merangka dasar dan kurikulum bersesuaian.

## RUJUKAN

- Baker, G. (t.t.). How to Write a Research Paper in Literature. Dimuat turun daripada [www.csuchico.edu](http://www.csuchico.edu)
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. doi: 10.1191/1478088706qp063oa
- Brian, D.Ray. (2009). National Home Education Research Institute, Oregon. Dimuat turun daripada [www.nheri.org](http://www.nheri.org)
- Cowan, J. (2011). Research methods in education - By Louis Cohen et al. [Book Review]. *British Journal of Educational Technology*, 42(5), E110-E110. doi: 10.1111/j.1467-8535.2011.01222.x
- Erford, B. T., Miller, E. M., Duncan, K., & Erford, B. M. (2010). Submission Patterns: Measurement and Evaluation in Counseling and Development Author and Article Characteristics From 1990 to 2009. [Article]. *Measurement & Evaluation in Counseling & Development*, 42(4), 296-307. doi: 0.1177/0748175609354619
- Malaysia, Ministry of Education. (2010). *Quick facts: Malaysian educational statistics*. Educational Policy Planning & Research Division: Ministry of Education Malaysia.
- Research vs Non-research articles. Dimuat turun daripada [www.southalabama.edu/oll/job-aids/research.html](http://www.southalabama.edu/oll/job-aids/research.html)
- Ruslina Ibrahim, Yusliza Baharin, Deny Indahsari, Saedah binti Siraj, & Norlidah binti Alias. (2011). *Jangkaan masa depan homeschooling di Malaysia dan impaknya terhadap kurikulum di Malaysia*. Concept Paper: International Conference on World Class Education, Universiti Malaya.
- Shih, M., Feng, J., & Tsai, C.-C. (2008). Research and trends in the field of e-learning from 2001 to 2005: A content analysis of cognitive studies in selected journals. *Computers & Education*, 51(2), 955-967. doi: 10.1016/j.compedu.2007.10.004